

Headline	Musim kemarau tak jejas bekalan pasar tani		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	03 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	40,000
Page No	18	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	207 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,230
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,690



## Musim kemarau tak jejas bekalan pasar tani

**KOTA BHARU** - Musim kemarau yang melampau tidak menjejaskan pengeluaran buah- buahan dan sayur- sayuran di seluruh negara.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail berkata, walaupun cuaca panas begini namun bekalan buahan dan sayuran ke pasar tani tidak terjejas.

Beliau berkata, namun beberapa tanaman seperti cili yang berada pada akhir musim akan sedikit terjejas. “Cuaca panas ini ber-

laku di seluruh negara dan tidak menjejaskan bekalan di pasar tani.

“Namun, beberapa jenis tanaman seperti cili ada yang terjejas namun ia perkara biasa kerana ia sudah penghujung musim dan selepas ini ia akan kembali seperti biasa,” katanya ketika sidang media selepas lawatan kerja di Institut Latihan FAMA Kota Bharu, semalam.

Hadir sama pada majlis itu Pengarah Kanan Pembangunan Modal Insan FAMA, Mohd Nawawi Harun dan Pengarah

FAMA Kelantan, Arifin Awang.

Manakala, mengulas mengenai hasil jualan tahun lalu, Ishak berkata, FAMA mencatatkan RM2.9 bilion tahun lalu dan angka itu dijangka meningkat 10 peratus tahun ini kepada lebih RM3 bilion.

Dalam majlis itu juga diadakan penyerahan van Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan Fama, Datuk Mat Sani Hassan kepada Pengurus ILFKB, Muhammad Akmal Mohd Shoed.



Ishak (tengah) menyaksikan penyerahan replika kunci van daripada Mat Sani (dua kiri) kepada Muhammad Ikmal (kanan).